

Gangguan lampu jalan di DUKE

KUALA LUMPUR 5 Mac – Lampu jalan di beberapa kawasan di Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) mengalami sedikit gangguan sementara yang berpunca daripada perbuatan vandalisme dan kecurian.

Pemegang konsesi DUKE, Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. (Kesturi) memberitahu, kawasan-kawasan yang terlibat ialah antara Kilometer 1.4 dan Kilometer 2 (arah barat) selepas persimpangan Jalan Kuching menuju Plaza Tol Jalan Duta.

“Gangguan juga berlaku di persimpangan Karak iaitu di antara Kilometer 1.1 sehingga 1.8 (menuju ke susur keluar Bandar Dalam) dan antara Kilometer 2.8 dan 3.8 (arah utara) menuju persimpangan Greenwood/Karak,” kata Kesturi dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut kenyataan itu, pihak pengurusan DUKE sedang membaiki masalah itu dan bekerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan untuk mengelakkan kabel elektrik dicuri lagi.

Justeru, pihak pengurusan DUKE meminta pengguna supaya lebih berhati-hati ketika memandu di kawasan berkenaan.